

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, September 21, 2017 8:57 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAAL HIJRAH 1439

Importance: High




Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



21 SEPTEMBER 2017 / 30 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



UUM ONLINE:

PERUTUSAN NAIB CANCELEDOR SEMPENA MAAL HIJRAH 1439

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Bersyukur kita ke hadrat Allah Azzawajalla kerana dengan rahmat dan inayah-Nya kita masih berkesempatan menyambut Maal Hijrah 1439 dengan limpahan kemakmuran dan kesejahteraan. Hijrah merupakan satu tuntutan Khalik kepada makhluk-Nya. Golongan yang bertakwa kepada Allah mestilah mendahulukan segala perintah-Nya sekalipun berdepan dengan pelbagai cabaran yang amat getir sebagaimana teladan yang ditunjukkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam ketika berhijrah ke Kota Yathrib semata-mata kerana ingin merealisasikan agenda menegakkan syiar Islam di muka bumi.

Syariat Islam sentiasa mempromosikan keamanan dan toleransi agar Islam sentiasa dipandang tinggi serta menjadi simbol kesejahteraan ummah dan negara. Oleh yang demikian, Islam menuntut umatnya berhijrah dari segala sifat keji dan mungkar yang boleh membawa perpecahan dalam masyarakat kepada sifat mahmudah yang mengutamakan kesatuan.

"Orang yang berhijrah ialah sesiapa yang meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah daripada melakukannya" - Riwayat Bukhori dan Muslim.

Sempena Maal Hijrah 1439, saya menyeru semua warga UUM, marilah kita bersama-sama mempererat kesatuan dan sentiasa menggarap roh dan semangat hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassallam dalam merealisasikan visi UUM untuk menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka. Semoga usaha gigih kita mendapat keberkatan Allah Subhanahuwataala.

Kesatuan Ummah Kesejahteraan Negara

Salam Maal Hijrah.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.